

Rakyat patut bangga identiti sendiri

Sistem pendidikan, bahasa Melayu mampu atasi kelemahan penjiwaan

BH- 2/2/2007

Temu bual wartawan Berita Harian, Jamhariah Jaafar dengan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim mengenai prestasi Malaysia dan kekuatan rakyat menjelang setengah abad Merdeka.

? BAGAIMANA Datuk Seri melihat prestasi Malaysia selepas 50 tahun terlerai daripada belunggu penjajah.

Pertama, ingin saya kaitkan dengan perayaan 50 tahun Merdeka. Kita melihat perayaan ini tidak harus hanya bergantung kepada program sambutan. Yang penting ialah program 50 tahun Merdeka, dibuat penilaian dari segi penjiwaan rakyat dan juga dari segi mutu pencapaian kualiti hidup.

Kita dianggap salah satu daripada negara membangun yang akan mencapai tahap kemajuan pada 2020. Tidak syak lagi pencapaian kita sudah didaftar sebagai penyuluh kepada pelbagai penjurong hidup kita. Dari segi pendidikan, pencapaian ekonomi, pembangunan fizikal... semua boleh kita rumus sebagai berjaya.

Yang menjadi persoalan dan teka-teki, malah ada pihak yang mengkritik ialah dari segi isian dan penjiwaan kita sebagai rakyat Malaysia menilai dan menghargai tahap kemajuan itu. Misalnya, penyampaian produk pentadbiran, masih banyak dipersoal.

Malah, Perdana Menteri sendiri belum berpuas hati mengenai sistem penyampaian. Sebenarnya, sistem ini mempunyai kaitan dengan masalah rasuah, pentadbiran dan keadilan. Jika dari segi penyediaan fizikal, pada hemat saya dari segi pandangan am kita sudah berjaya. Tapi penjiwaan ke arah memurnikan jiwa pentadbiran dan jiwa kehidupan, belum dapat dianggap sebagai berjaya.

? Bagaimana kita dapat membetulkan sikap dan pemikiran rakyat yang belum setaraf dengan pencapaian negara.

Ilah sebabnya saya bersyukur di atas wujud peluang bagi kami di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) untuk membuat beberapa pelan induk ke arah penjiwaan semula. Ini bukan sesuatu yang boleh selesai dalam tempoh singkat. Tapi selepas tiga tahun KeKKWa wujud, saya berasa apa yang kami cuba buat untuk mewujudkan sistem nilai positif, ada sambutan dan tapaknya sudah pun dapat kita bina.

Dari situ, kita beralih kepada sistem pendidikan. Sistem pendidikan kita juga perlu diubah suai supaya guru dan pendidik kita dapat menyampaikan produk jiwa kepada anak murid dan siswa. Dua aspek ini, budaya dan pendidikan mesti memberi faedah kepada anak-anak yang diasuh supaya mereka berjiwa murni dan akhirnya dapat mencantumkan kebaikan fizikal yang kita bawa.

? Bagaimana dengan sikap sesetengah rakyat yang masih terus bergantung kepada bantuan kerajaan.

Ini satu aspek yang memang kritis dan saya yakin kita boleh atasi. Tapi menyebut perkataan atasi ia perlu diterjemah melalui ketegasan melaksanakan sesuatu. Contoh, sekiranya Polis Diraja Malaysia

mendapati sesuatu yang harus diketemukan dengan tindakan undang-undang, ia tidak harus pilih bulu.

Dalam sistem memberi keadilan menerusi mahkamah, ia mesti jelas kepada rakyat. Tetapi sekiranya ada kes yang ditangguhkan setahun lebih, apa lagi jika ia membabitkan dakwaan jenayah yang besar, ini akan timbul satu pandangan bahawa kita cuai. Tidak pernah dalam sejarah tanah air, sesuatu kes ditangguhkan sehingga setahun dua bulan daripada kes itu dibaca di mahkamah.

Bagi saya yang memiliki sifat berterus terang, perkara begini harus tidak ada pada masa depan. Hanya dengan tindakan itu saja, barulah dunia luar melihat sistem perundangan kita adalah telus dan dipertanggungjawabkan. Rakyat kita sendiri akan berasa mereka dapat pertarungan nyawa untuk sistem kita.

Wujudnya tamadun yang baik adalah berasaskan kepada pentadbiran undang-undang dan penguatkuasaan, kedua-dua ini berkait rapat. Ada negara jiran kita yang berjaya dalam soal ini kerana memiliki sikap lebih terbuka. Kerana itu indek korupsi mereka minimum. Mereka tidak pilih bulu dan menjalankan tugas seperti yang di piagamkan.

Saya mungkin akan dikritik kerana pandangan keterlaluhan. Tapi bagi saya sudah tiba masanya, Malaysia dalam usianya 50 tahun mengiktiraf betapa pentingnya sistem kita diadunkan dengan dasar yang lebih telus.

? Kita sering dikritik kerana terlalu mempertahankan diri, tanpa menilai mengapa sebenarnya kita dikritik.

Itu pun satu pendekatan kita harus perbaiki iaitu jangan takut pada kritikan. Bila dikritik kita mesti berpendirian sanggup memperbaiki. Ini belum cukup lagi wujud di kalangan kita. Misalnya, ada orang mencadangkan betapa sukarnya keadaan apabila Islam dan bukan Islam bertembung dalam perkahwinan, kemudian bercerai.

Orang bukan Islam tidak ada tempat untuk mengadu, justeru mereka mencadangkan begitu dan begini. Tapi kita (pentadbiran), setakat mengatakan ini tidak boleh. Kita tidak mengatakan, kita akan

cari jalan bagaimana untuk mengatasi masalah itu. Kerana itu, ada pihak mencadangkan diwujudkan mahkamah perlembagaan yang boleh memberi deliberasi dan penghakiman mengenai hal-hal seperti itu dibincang bersama.

Saya fikir tidak salah, tapi tiba-tiba dikatakan tidak boleh. Soalnya, siapa kita. Hak rakyat tetap ada dan lunas 'rules of law' tetap menuntut bahawa keadilan itu, walau siapa pun yang memerintah, perlu wujud. Peluang itu mesti diberi. Jadi, sikap mengatakan ini tidak boleh dan itu tidak boleh, perlu dihentikan. Pandangan ramai perlu ditapis dan dicari jalan, bagaimana pentadbiran tadi bertemu dengan keadilan yang diminta rakyat.

? Penilaian Datuk Seri mengenai sikap warga Malaysia yang semakin pupus semangat perjuangan untuk mempertahankan imej dan nama negara.

Menjelang Malaysia 50 tahun, kita sepatutnya tidak terhimpit lagi dengan pengaruh penjajahan, kerana pentadbiran dan perkhidmatan awam Britain sudah jauh berubah. Tapi kita masih tidak berubah. Peraturan am (general order) kita masih digunakan sejak 1948 dan kita tidak mewujudkan sistem segera untuk mengatasi masalah dalam perkhidmatan awam, misalnya.

Pendapat saya mungkin ada yang tidak setuju, tapi saya ada cukup fakta dan peraturan yang tidak berubah mengikut zaman dalam semua undang-undang berkaitan dengan disiplin dan dengan peraturan perkhidmatan.

Misalnya, kalau kita ambil tindakan disiplin terhadap kakitangan kerajaan ia harus selesai dalam tempoh tiga minggu hingga tiga bulan. Tapi kalau memakan masa hingga bertahun-tahun, orang yang kena tadi akan berkata 'what can you do to me'. Keadaan itu akan memberi kesan kepada orang lain yang berpendapat tidak perlu ikut peraturan, tidak payah undang-undang. Saya sangat menekan perkara itu, kerana melihat itulah puncanya sama ada mundur atau maju sesuatu sistem tadi.

Jika kita melihat kepada sistem negara yang lekas bertindak, kurang karenah bi-

rokrasi... kemajuan yang dicapai melonjak. Contoh terbaik di rantau ini ialah Vietnam. Saya menjangka tidak lama negara ini akan muncul sebagai satu kuasa, satu entiti yang mereka boleh mendirikan sesuatu yang hebat kerana mereka membuat undang-undang peninggalan Perancis dan cari jalan bagaimana untuk maju, dengan mengambil contoh negara maju dalam masa yang singkat.

? Datuk Seri bertemu Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia minggu lalu, apa pandangan beliau terhadap Malaysia selepas 50 tahun.

Mereka menganggap kita sudah maju dan peninggalan kolonial boleh dikatakan tidak nampak lagi, kecuali dalam beberapa bibit pentadbiran. Sistem Kabinet, sistem perkhidmatan awam masih ada lagi. Oleh kerana Britain suatu masa dulu kuasa yang mengatasi Tanah Melayu, sekarang mereka adalah rakan sampingan dengan kita memajukan negara ini. Mereka ingin pendidikan dari Malaysia ini sentiasa bertali arus dengan Britain.

Sebenarnya, mereka tidak lagi berapa mengenali kita. Britain tahun 60-an masih menganggap kita anak buah, tapi mereka tidak lagi kenal Malaysia. Generasi barunya tidak ada penanaman kasih mesra yang lebih berbanding dulu. Justeru, kita perlu menyorot kepada mereka bahawa sekarang kita sudah berubah dan kita mesti dapat persahabatan yang baru.

? Kita perlu dikenali dengan identiti sebuah negara Malaysia.

Malaysia sudah ada identiti kita sendiri. Cuma kadang kala kita perlecehkan budaya kita, perlecehkan bahasa kita, soal seni kita. Saya bercakap begini bukan kerana saya Menteri Kebudayaan, kerana dulu pun saya bercakap begini.

Kita tidak ada kebanggaan kerana kadang kala ramai berkata: 'Ah, bahasa Melayu apala.' Tapi kalau kita tengok Korea, Jepun dan China, sudah cukup membuktikan bahawa bahasa itulah yang membawa identiti kita. Untuk itu saya kira bukan Kementerian ini saja, bahkan Kementerian Pelajaran harus memainkan peranan penting dalam memupuk semangat identiti.

Paling penting ialah kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, mesti sama dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu. Tapi hari ini, kita manjakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu tidak lagi dijadikan bahasa Ilmu. Jadi tercicir kita di situ. Hal ini penting dengan sambutan ulang tahun kita ke-50, sebab itu saya peringatkan supaya kita tidak memperlecehkan kedudukan bahasa Melayu.

? Apa mesej Datuk Seri untuk rakyat Malaysia sempena ulang tahun Malaysia ke-50 ini.

Kita mesti bersyukur kita sudah sampai di tahap ini. Kelemahan kita ialah kelemahan penjiwaan. Oleh itu, sistem pendidikan kita mesti mantap dan tidak ter-takluk kepada pindaan dan ubah suai sekejap-sekejap. Ia mesti terus kepada matlamat kita untuk membina bangsa Malaysia dan aset kita adalah berbilang kaum. Jadi, pemupukan di situ mesti berjalan sepanjang masa - dalam pendidikan, dalam latihan dan dalam pentadbiran.

Juga pentingnya, pentadbiran undang-undang dan keadilan di negara ini diubah supaya serius dan konsisten, tanpa mengira bulu.



“ Kita sepatutnya tidak terhimpit lagi dengan pengaruh penjajahan, kerana pentadbiran dan perkhidmatan awam Britain sudah jauh berubah. Tapi kita masih tidak berubah. Peraturan am (general order) masih digunakan sejak 1948 dan kita tidak mewujudkan sistem segera mengatasi masalah dalam perkhidmatan awam”

Rais Yatim
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan